

the written consent of the employee, be accumulated to be taken four days at a stretch. The accumulated rest day shall be computed on the basis of four rest days for every twenty-four working days. The accumulated rest days may be brought forward or delayed with the written consent of the parties. However, the employer must ensure that every employee be given rest days of not less than fifty-two days in a year. Such consents shall be obtained on the day of commencement of the employee's employment or at the beginning of the effective date of this Order and may be withdrawn by the employee at any year end:

Provided that an employee shall not be entitled to any rest day during the period in which the employee is on maternity leave as provided under section 37, or on sick leave as provided under section 60F of the Act, or during the period of temporary disablement under the Workmen's Compensation Act 1952, or under the Employees Social Security Act 1969;

*Act 273.
Act 4.*

- (b) the employer shall before the beginning of each year or at the commencement of an employee's employment prepare a roster of the weekly rest day in respect of each employee in accordance with paragraph (a) and where applicable the substituted rest day for the year, and such roster shall be preserved for a period of not less than six years and shall be made available for inspection by the Director General of Labour at any time.

5. The Employment (Exemption) Order 1980 is revoked.

P.U.(A)331/80.

Made the 10th February 1988.

[KB. Sulit 32/1/2/3/20/3; PN. (PU²) 192/IV.]

LEE KIM SAI,
Minister of Labour

P.U.(A) 58.

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KESATUAN
REPUBLIK SOSIALIS SOVIET) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah berikut:

*Act 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kesatuan Republik Sosialis Soviet) 1988.**

Nama.

*Pelepasan
cukai dua
kali*

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Kesatuan Republik Sosialis Soviet dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Kesatuan Republik Sosialis Soviet (sebagaimana ditakrifkan tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat jika perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN KESATUAN REPUBLIK SOSIALIS SOVIET BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kesatuan Republik Sosialis Soviet dengan hasrat untuk membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan dan dengan maksud untuk menggalakkan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG PERJANJIAN

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin salah satu daripada atau kedua-dua Negara Pejanji.

2. (a) Perjanjian ini terpakai bagi Wilayah setiap Negara Pejanji, termasuk laut wilayahnya, dan kepada Zon Ekonomi Eksklusifnya dan Pelantar Benuanya yang melampaui batasan laut wilayahnya yang ia gunakan, di bawah undang-undangnya sejajar dengan Undang-Undang Antarabangsa, hak-hak kedaulatan bagi maksud penjelajahan dan pengeksploitan sumber alam daripada kawasan tersebut.

(b) Bagi maksud-maksud Perjanjian ini apa-apa sebutan bagi mana-mana Negara Pejanji adalah dianggap sebagai suatu sebutan bagi wilayah Negara relevan, termasuk laut wilayahnya, Zon Ekonomi Eksklusifnya dan Pelantar Benuanya yang melampaui batasan laut wilayah Negara itu, sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a) di atas.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai kepada cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan oleh suatu Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevikan.

2. Cukai-cukai tertakluk di bawah Perjanjian ini ialah:

(a) di Malaysia:

(i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;

- (ii) cukai pendapatan tambahan, yakni, cukai pembangunan; dan
 - (iii) cukai pendapatan petroleum;
- (selepas ini disebut “cukai Malaysia”);

(b) di Kesatuan Republik Sosialis Soviet:

- (i) cukai pendapatan ke atas orang asing di sisi undang-undang;
- (ii) Cukai pendapatan ke atas penduduk; dan
- (iii) cukai ke atas keuntungan peserta asing dalam usahasama yang dipindahkan keluar negeri;

(selepas ini disebut “cukai Kesatuan Republik Sosialis Soviet”).

3. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai ke atas pendapatan yang serupa atau sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti kepada cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang perubahan-perubahan yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka masing-masing, yang perlu bagi pelaksanaan Perjanjian ini.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Persekutuan Malaysia (Malaysia) atau Kesatuan Republik Sosialis Soviet (KRSS) mengikut kehendak konteksnya.
- (b) istilah “orang”:
 - (i) dalam hal Malaysia, termasuklah seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang disifatkan sebagai orang bagi maksud-maksud cukai—istilah “syarikat” ertinya apa-apa pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
 - (ii) dalam hal KRSS, termasuklah seorang individu, mana-mana orang di sisi undang-undang atau organisasi lain yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang KRSS atau mana-mana Republik Kesatuannya dan disifatkan sebagai orang di sisi undang-undang bagi maksud-maksud cukai di KRSS;

- (c) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu enterprais dari suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan hanya di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.
- (d) istilah “pihak berkuasa yang kompeten” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (ii) dalam hal KRSS, Kementerian Kewangan KRSS atau wakil yang diberi kuasa oleh mereka.

2. Pada pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai makna yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya:
 - (a) dalam hal Malaysia, seorang yang menjadi pemastautin di Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia; dan
 - (b) dalam hal KRSS, seorang yang menjadi pemastautin di KRSS bagi maksud-maksud cukai KRSS.
2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 seorang individu adalah pemastautin di kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:
 - (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di Negara yang dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai residen di Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);
 - (b) jika Negara yang dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di dalam salah satu negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di Negara yang dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

- (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di Negara yang dia menjadi warganegara;
- (d) jika salah satu Negara mensifatkannya sebagai warganegaranya atau jika dia tidak menjadi warganegara di kedua-dua Negara, pihak berkuasa yang kompeten di mana-mana Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan ini dengan cara persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, orang yang lain daripada seorang individu adalah seorang pemastautin di kedua-dua Negara Pejanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di negara di mana terletaknya tempat pengurusannya yang berkesan.

Perkara 5

ESTABLISMENT TETAP

1. Dalam Perjanjian ini istilah “establismen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana dengannya seorang pemastautin suatu Negara Pejanji sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya menjalankan apa-apa kegiatan perdagangan di Negara Pejanji yang satu lagi.

2. Istilah “establismen tetap” hendaklah termasuk terutamanya:

- (a) suatu cawangan;
- (b) suatu pejabat;
- (c) suatu bangunan atau tapak binaan yang wujud bagi lebih daripada dua belas bulan;
- (d) suatu projek pemasangan atau pepasangan yang wujud bagi lebih daripada enam bulan.

3. Walau apapun peruntukan perenggan 1, suatu establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang dengannya orang yang bermastautin di Negara Pejanji yang satu lagi sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya menjalankan apa-apa aktiviti perdagangan tidaklah termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi tujuan penyimpanan atau pameran barang-barang atau dagangan kepunyaan pemastautin itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan pemastautin itu semata-mata bagi tujuan penyimpanan atau pameran;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan pemastautin itu semata-mata bagi tujuan pemprosesan oleh pamastautin lain;

- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi tujuan pembelian barang-barang atau dagangan, atau bagi pengutipan dan penyebaran maklumat, bagi pemastautin itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi tujuan menjalankan, bagi pemastautin itu apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan ataupun tambahan.

4. Walau apapun peruntukan perenggan 2 (c) seorang pemastautin suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika ia menjalankan aktiviti pengawasan semata-mata dalam Negara lain itu bagi lebih daripada 6 bulan berhubungan dengan projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang sedang dijalankan dalam Negara yang satu lagi itu.

5. Seseorang (selain daripada seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang perenggan 6 terpakai baginya) yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji bagi pihak seorang pemastautin dari Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap dalam Negara yang tersebut mula-mula itu, jika:

- (a) dia mempunyai, dan lazimnya menjalankan di Negara yang tersebut mula-mula itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak di bawah nama pemastautin itu melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada aktiviti-aktiviti yang disebut di dalam perenggan 3;
- (b) dia menyenggara dalam Negara yang tersebut mula-mula itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan pemastautin itu dari mana dia selalunya membuat pesanan bagi pihak pemastautin itu; atau
- (c) dia memproses dalam Negara yang tersebut mula-mula itu barang-barang atau dagangan kepunyaan pemastautin itu.

6. Seorang pemastautin suatu Negara Pejanji tidaklah boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang sedemikian itu bertindak mengikut perjanjian biasa perniagaan mereka.

Walaupun bagaimanapun, apabila aktiviti-aktiviti seorang ejen sedemikian dijalankan kesemuanya atau hamper kesemuanya bagi pihak pemastautin itu, dia tidaklah boleh dianggap sebagai seorang ejen bertaraf bebas jika transaksi-transaksi antara ejen dan pemastautin itu tidak dibuat di bawah syarat-syarat perniagaan.

7. Hakikat bahawa seseorang (selain daripada seorang individu) yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh seseorang (selain daripada seorang individu) yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidak boleh dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu daripada orang-orang itu suatu establismen tetap bagi orang yang satu lagi itu.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “harta tak alih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Berkenaan dengan Malaysia istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuklah harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak-hak yang peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai baginya, usufuk bagi harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran boleh ubah atau tetap sebagai balasan kepada pengusahaan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan galian, telaga-telaga minyak atau gas, kuari-kuari dan tempat-tempat lain pengeluaran sumber-sumber alam termasuk kayu atau hasil-hasil hutan yang lain.

Kapal dan pesawat udara tidak boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga terpakai kepada pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan dengan apa-apa cara lain akan harta tak alih itu.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan seorang pemastautin di suatu Negara Pejanji hanya boleh dikenakan cukai di dalam Negara itu sahaja melainkan pemastautin itu menjalankan perniagaan di dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika pemastautin itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut dahulu, maka keuntungan pemastautin itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu tetapi hanya ke atas sekian banyak daripada keuntungan itu yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika seorang pemastautin suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang dijangka dibuat olehnya jika ia adalah suatu entiti yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan penuh kebebasan dengan pemastautin yang ia adalah suatu establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dipotong perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan bagi tujuan-tujuan establismen tetap itu termasuk perbelanjaan-perbelanjaan bagi menjalankan kerja dan pentadbiran am sama ada dilakukan dalam Negara itu di mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap hanya oleh kerana pembelian oleh establismen tetap itu barang-barang atau dagangan bagi pemastautin itu.

5. Bagi maksud perenggan-perenggan yang tersebut dahulu, keuntungan yang kena dikaitkan kepada establismen tetap hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari setahun ke setahun melainkan terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk ditentukan sebaliknya.

6. Jika keuntungan termasuklah butiran-butiran tentang pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara-Perkara itu tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

7. Jika—

- (a) seorang pemastautin suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi; atau
- (b) orang-orang yang sama yang menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dan seorang pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi,

dan di dalam mana-mana hal tersebut syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara dua entiti itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang akan dibuat di antara entiti-entiti bebas, maka apa-apa keuntungan yang akan, tetapi oleh kerana syarat-syarat tersebut, telah terakru kepada salah satu daripada entiti itu, tetapi, atas sebab syarat-syarat tersebut, telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan ke dalam keuntungan entiti itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 8**PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara di lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai di dalam Negara Pejanji itu sahaja.
2. Perenggan 1 hendaklah juga terpakai kepada bahagian keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9**DIVIDEN**

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin di KRSS yang menjadi pemunya benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan ke atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu.
2. Keuntungan daripada suatu usaha bersama yang terakru kepada seorang peserta yang menjadi seorang pemastautin Malaysia, apabila dipindahkan daripada KRSS, boleh dicukai mengikut undang-undang KRSS tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada keuntungan yang dipindahkan daripada KRSS tersebut.
3. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan di dalam Perkara ini ertinya pendapatan syer-syer atau hak-hak lain yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer-syer mengikut undang-undang Negara yang syarikat yang membuat pengagihan itu adalah pemastautin; bagi maksud-maksud perjanjian ini dalam hal KRSS istilah tersebut ertinya keuntungan yang disebut di dalam perenggan 2.
4. Peruntukan perenggan 1 tidak boleh terpakai jika pemunya benefisial dividen-dividen itu, sebagai seorang pemastautin suatu Negara Pejanji, yang mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establismen yang tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen-dividen dibayar mempunyai kaitan yang berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

Perkara 10**BUNGA**

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga sedemikian boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial bunga itu, maka cukai yang dicajkan itu tidaklah boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang seorang pemastautin KRSS berhak mendapat faedahnya hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau keterhutangan yang lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan sebagaimana ditakrifkan di bawah undang-undang Malaysia.

4. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi adalah boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang ianya dibayar.

- (a) kepada Kerajaan Negara yang satu lagi itu;
- (b) kepada Bank Pusat Negara yang satu lagi itu; atau
- (c) berkenaan dengan suatu pinjaman yang disediakan, digerenti atau dijamin oleh Kerajaan Negara yang satu lagi itu yang mana boleh dipersetujui bersama oleh pihak-pihak berkuasa yang kompeten Negara-Negara Pejanji.

5. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan di dalam Perkara ini ertinya pendapatan tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan dengan cara gadai janji ataupun tidak, dan sama ada memberi suatu hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang, dan khususnya pendapatan daripada sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon-bon atau debentur-debentur.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2, 3 dan 4 tidak boleh terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam suatu Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang kerananya bunga itu dibayar ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

7. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayar adalah Negara itu sendiri, sebahagiannya atau suatu pihak berkuasa tempatannya, atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada seorang pemastautin suatu Negara Pejanji ataupun tidak, mempunyai dalam suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya

keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar dan pemunya benefisial itu atau di antara kedua mereka dengan seorang yang lain, amaun bunga yang dibayar itu, setelah menimbangkan tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, melebihi amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar bunga dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang sedemikian, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya kepada amaun yang terakhir disebut itu sahaja. Dalam hal sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah kekal sebagai boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberi pertimbangan yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 11

ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti itu, maka cukai yang dicajkan tidaklah boleh melebihi:

- (a) 10 peratus daripada amaun kasar royalti yang disebut dalam perenggan 3 (a);
- (b) 15 peratus daripada amaun kasar royalti yang disebut dalam perenggan 3 (b).

3. Istilah “royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi:

- (a) menggunakan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa paten, tanda niaga, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau apa-apa hakcipta bagi kerja-kerja saintifik, atau bagi menggunakan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau bagi maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik; atau
- (b) menggunakan, atau hak untuk menggunakan, filem wayang gambar, atau pita untuk siaran radio atau televisyen atau apa-apa hakcipta untuk hasil sastera atau seni.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayar itu adalah Negara itu sendiri, sebahagiannya atau suatu pihak berkuasa tempatannya, atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada dia adalah seorang pemastautin suatu Negara Pejanji ataupun tidak, mempunyai dalam suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti telah dilakukan, dan royalti itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara yang establismen tetap itu terletak.

6. Jika, oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar itu dengan pemunya benefisial atau di antara keduanya dengan seorang lain, amaun royalti yang dibayar itu, setelah memberikan perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti dibayar, melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya kepada amaun yang terakhir disebut itu sahaja. Dalam hal sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberikan perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

7. Tertakluk kepada perenggan 4 Perkara 21 royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin KRSS yang tertakluk kepada duti sewa filem di bawah Akta Duti Sewa-Filem Wayang Gambar di Malaysia tidaklah boleh dikenakan cukai Malaysia yang kepadanya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 12

LABA DARI PEMBERIMILIKAN HARTA

1. Laba daripada pemberimilikan harta tak alih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana harta itu terletak.

2. Laba yang diperolehi daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta suatu establismen tetap seorang pemastautin suatu Negara Pejanji mempunyai di dalam

Negara Pejanji yang satu lagi itu, termasuk apa-apa laba daripada pemberimilikan suatu establismen tetap itu boleh dicukai di dalam Negara yang satu lagi itu.

Walau bagaimanapun, laba daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji di lalulintas antarabangsa dan harta alih berkenaan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu adalah boleh dikenakan cukai di dalam Negara itu sahaja.

3. Laba daripada pemberimilikan apa-apa harta atau aset, selain daripada yang disebut dalam perenggan 1 dan 2, adalah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji yang pemberimilik itu adalah pemastautin.

Perkara 13

PENDAPATAN DARIPADA PEKERJAAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 14, 15, 16, 17, 18 dan 19, gaji, upah dan saraan lain yang bersamaan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan adalah boleh dicukai di Negara itu sahaja melainkan pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, saraan tersebut sebagaimana yang diperolehi daripada pekerjaan itu bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu adalah boleh dicukai hanya di Negara yang pertama disebut itu jika:

- (a) penerima tinggal di Negara yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh tidak melebihi agregat 183 hari dalam tahun kalendar; dan
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak majikan yang bukan seorang pemastautin di Negara yang satu lagi; dan
- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap yang majikannya mempunyai di Negara yang satu lagi.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan terdahulu Perkara ini, saraan berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di atas suatu kapal atau pesawat udara yang dikendalikan di lalulintas antarabangsa oleh suatu enterprais suatu Negara Pejanji boleh dicukaikan di Negara itu.

Perkara 14**FEE PENGARAH**

Fee pengarah dan bayaran-bayaran yang serupa yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah suatu syarikat atau mana-mana orang di sisi undang-undang yang menjadi pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 15**SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN**

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 15, pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai seorang penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau seorang ahli muzik, atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan atas sifatnya yang sedemikian itu terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang lain, maka pendapatan itu boleh, walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 7 dan 13, dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur dan olahragawan itu dijalankan.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji oleh seniman atau olahragawan hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang suatu lawatan ke Negara itu dijalankan di bawah program pertukaran yang dipersetujui bersama oleh Negara-Negara Pejanji atau subbahagiannya atau pihak berkuasa tempatannya.

Perkara 16**PENCEN**

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 17, apa-apa pencen dan saraan-saraan lain yang seumpamanya bagi pekerjaan yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu hanya boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17**PERKHIDMATAN KERAJAAN**

1. Saraan, selain dari pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian atau suatu pihak berkuasa tempatannya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau subbahagiannya

atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara itu. Walau bagaimanapun, saraan itu hanya boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan dalam Negara itu dan penerima ialah seorang pemastautin Negara itu yang:

- (a) adalah seorang warganegara Negara itu; atau
- (b) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji, subbahagiannya, atau suatu pihak berkuasa tempatannya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu, subbahagiannya, atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara itu.

3. Jika seorang individu yang disebut dalam perenggan 1 memperoleh saraan atau pencen daripada aktiviti-aktiviti perdagangan, peruntukan-peruntukan Perkara 13 dan 14 hendaklah terpakai.

Perkara 18

PENUNTUT DAN PELATIH

1. Seorang individu yang menjadi pemastautin sejurus sebelum melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu dan berada secara sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:

- (a) sebagai seorang penuntut di suatu universiti, kolej, sekolah atau institusi pelajaran yang serupa di Negara yang satu lagi itu; dan
- (b) sebagai seorang perantis perniagaan atau teknik,

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu ke atas semua kiriman dari luar negeri bagi tujuan-tujuan nafkah, pelajaran, penyelidikan atau latihannya.

2. Peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah juga terpakai kepada suatu biasiswa, pemberian atau amaun lain yang serupa yang diperolehi daripada Kerajaan atau suatu organisasi Negara yang disebut terdahulu atau suatu organisasi antarabangsa berkaitan dengan penyelidikan atau latihan di institusi yang lain daripada institusi pelajaran.

Perkara 19

GURU DAN PENYELIDIK

1. Seorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi itu, dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej atau establismen lain bagi pelajaran tinggi atau institusi penyelidikan saintifik yang ditubuhkan oleh Negara yang satu lagi

itu, melawat Negara yang satu lagi semata-mata bagi maksud mengajar atau penyelidikan atau kedua-duanya di institusi-institusi tersebut bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu bagi apa-apa saraan kerana mengajar atau penyelidikan itu.

2. Perkara ini tidak boleh terpakai kepada pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan itu adalah dijalankan terutamanya bagi faedah persendirian seseorang atau orang-orang tertentu.

Perkara 20

PENDAPATAN LAIN

Butiran-butiran pendapatan seorang pemastautin di suatu Negara Pejanji yang tidak disebut secara nyata dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian ini bolehlah dikenakan cukai di Negara Pejanji itu sahaja kecuali jika pendapatan itu diperolehi daripada sumber-sumber dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, ia juga boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 21

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia daripada cukai yang boleh dikenakan di mana-mana Negara selain daripada Malaysia, cukai Kesatuan Republik Sosialis Soviet yang boleh dikenakan di bawah undang-undang KRSS dan dengan mengikut Perjanjian ini oleh seorang pemastautin di Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada KRSS hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Walau bagaimanapun, kredit itu tidaklah boleh melebihi bahagian cukai Malaysia itu, sebagaimana yang dihitungkan sebelum kredit itu diberikan, yang sesuai dengan butiran pendapatan itu.

2. Di KRSS, cukai dua kali hendaklah dihapuskan mengikut undang-undang KRSS dengan mengambil kira cukai Malaysia yang telah dibayar.

3. Bagi maksud perenggan 2, jika royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin KRSS adalah, sebagai bayaran sewaan filem, tertakluk kepada duti sewa filem wayang gambar di Malaysia, duti itu hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia.

Perkara 22

TANPA DISKRIMINASI

1. Warganegara suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk, dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, kepada apa-apa pencukaaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih berat daripada pencukaaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang warganegara Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama adalah atau mungkin tertakluk kepadanya.

2. Pencukaaian ke atas pendapatan atau keuntungan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji melalui suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevikan dalam Negara yang satu lagi itu, kurang baik daripada cukai yang dilevikan ke atas pendapatan yang diperolehi melalui suatu establismen tetap di negara itu oleh pemastautin negara ketiga yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama dalam hal keadaan yang sama.

3. Tiada apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi kepada:

- (a) suatu Negara Pejanji supaya memberi kepada individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun diri, pelepasan dan pengurangan bagi maksud-maksud cukai yang diberikan olehnya kepada pemastautin sendiri.
- (b) Malaysia supaya memberikan warganegara KRSS yang bukannya pemastautin di Malaysia elaun diri, pelepasan dan pengurangan tersebut bagi maksud-maksud cukai yang menurut undang-undang tersedia baginya kepada, pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, hanya kepada warganegara Malaysia yang bukan pemastautin di Malaysia.

4. Dalam Perkara ini, istilah “pencukaaian” ertinya cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai.

Perkara 23

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara yang dia menjadi pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 22, kepada Negara yang dia menjadi warganegara. Kesnya itu mesti dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama tentang tindakan yang mengakibatkan pencukaaian ke atas dirinya yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian.

2. Pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantuan itu adalah berjustifikasi dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten di Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian.

3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan pentafsiran atau pemakaian Perjanjian. Mereka juga boleh sama-sama berunding untuk menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian.

Perkara 24

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang dipertukarkan sedemikian itu hendaklah dianggap sebagai rahsia dan hendaklah dizahirkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa yang terlibat dengan pelaksanaan undang-undang berhubungan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu Negara Pejanji obligasi:

- (a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (b) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran bagi Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (c) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion, proses tred, atau maklumat pengzahirannya adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Perkara 25

MULA BERKUATKUASA

1. Perjanjian ini adalah tertakluk kepada ratifikasi dan suratcara-suratcara ratifikasi hendaklah ditukar-menukar di Kuala Lumpur secepat mungkin.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari tukar-menukar suratcara-suratcara ratifikasi dan hendaklah mempunyai kuatkuasa berkenaan dengan cukai-cukai bagi tahun taksiran bermula pada satu haribulan Januari 1989, dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perkara 26**PENAMATAN**

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak ditentukan, tetapi mana-mana Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian, melalui saluran-saluran diplomatik, dengan memberikan notis bertulis penamatan kepada Negara Pejanji yang satu lagi pada atau sebelum 30hb Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tahun 1992. Pada berlakunya peristiwa yang sedemikian itu Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa berkenaan dengan cukai-cukai bagi tahun taksiran bermula pada hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikutnya yang notis penamatan diberikan dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikan kuasa sewajarnya bagi maksud itu oleh Kerajaan masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Moscow pada 31 haribulan Julai 1987, tiap satunya dalam bahasa Malaysia, bahasa Russia dan bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian tentang pentafsiran, pentafsiran hendaklah dibuat dengan berpanduan kepada naskah bahasa Inggeris

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi pihak Kerajaan Kesatuan
Republik Sosialis Soviet

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian ini antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kesatuan Republik Sosialis Soviet bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan, yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi suatu bahagian integral Perjanjian.

1. Berkaitan dengan Perkara 5, “Establismen Tetap”:

Dalam hal Malaysia istilah “Establismen Tetap” hendaklah termasuk, sebagai tambahan kepada apa yang disebut dalam perenggan 2 Perkara 5, yang berikut:

- (i) tempat pengurusan;
- (ii) kilang;
- (iii) bengkel;
- (iv) lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau lain-lain tempat pengeluaran sumber-sumber alam termasuk kayu atau lain-lain hasil hutan; dan
- (v) ladang atau kebun.

2. Berkaitan dengan perenggan 1 Perkara 9, “Dividen-Dividen”: Jika sekiranya terdapat perubahan kadar cukai, tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh mempengaruhi peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin di Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh dilaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang sesuai bagi tahun taksiran Malaysia sejurus selepas dividen itu dibayar.

3. Berkaitan dengan perenggan 2 Perkara 21, “Penghapusan Cukai Dua Kali”:

